

BAB 4

DAPATAN KAJIAN


Dalam bab ini penyelidik akan menganalisis setiap data yang telah diperolehi daripada 78 responden. Ia bermula dengan membentangkan dapatan dari data maklumat demografi responden dan seterusnya menjawab persoalan kajian yang telah dibentuk iaitu:

1. Apakah kapasiti kepimpinan guru yang terdapat di sekolah berkesan yang dikaji?
2. Apakah kapasiti kepimpinan sekolah yang terdapat di sekolah berkesan yang dikaji?
3. Apakah hubungan antara kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah di sekolah berkesan yang dikaji?

Berikut ialah data demografi bagi responden yang telah di analisis iaitu dari segi jantina, umur, kelulusan dan pengalaman (Lampiran 4-1,2,3,4).

Data Demografi Responden


Rajah 4-1 menunjukkan carta bar taburan kekerapan jantina responden bagi kedua-dua sekolah. Didapati sebanyak 70.5 % (55) responden yang menjawab soalan ialah wanita dan sebanyak 29.5 % (23) adalah lelaki.



Rajah 4-1: Jantina Responden


Rajah 4-2 menunjukkan carta bar umur responden dari sekolah kajian. Didapati kebanyakan responden adalah berumur diantara 30 hingga 39 tahun iaitu sebanyak 58.9 % (46). Responden yang berumur diantara 30 hingga 34 tahun ialah sebanyak 30.8% (24), responden yang berumur diantara 35 hingga 39 tahun ialah 28.2% (22) dan responden yang berumur lebih dari 39 tahun ialah sebanyak 30.8% (24). Seterusnya

didapati hanya sebanyak 10.3% (8) responden sahaja yang berumur kurang dari 30 tahun i sekolah kajian.




Rajah 4-2: Umur Responden

Rajah 4-3 adalah carta bar berkenaan dengan taburan kekerapan kelulusan akademik tertinggi responden. Dari kajian ini lima kategori kelulusan dianalisis dari sekolah kajian. Sebanyak 6.4 % (5) responden adalah dari guru yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysian Certificate Of Education (SPM/MCE). Sebanyak 85.9% (67) responden pula adalah berkelulusan Ijazah pertama. Selainnya adalah responden yang berkelulusan Sijil Tinggi Pelajaran (STP) sebanyak 1.3% (1), Diploma 5.1% (4) dan juga peringkat Sarjana 1.3 % (1).



Rajah 4-3 : Kelulusan Akademik Tertinggi Responden

Rajah 4-4 adalah carta bar bagi taburan kekerapan pengalaman mengajar bagi responden. Didapati responden yang berpengalaman kurang dari 1 tahun adalah sebanyak 2.6 % (2), bagi responden yang berpengalaman antara 1 hingga 4 tahun pula ialah sebanyak 17.9 % (14). Seterusnya 35.9 % (28) responden pula adalah berpengalaman 5 hingga 9 tahun dalam pengajaran dan sebanyak 43.6% (34) responden adalah berpengalaman lebih dari 10 tahun. Secara keseluruhannya 79.5 % (62) responden telah mempunyai pengalaman lebih dari lima tahun dalam bidang pengajaran di sekolah.



Rajah 4-4 : Pengalaman Mengajar

Soalan Kajian 1

Apakah kapasiti kepimpinan guru yang terdapat di sekolah yang dikaji?

Bahagian ini membincangkan dapatan daripada dimensi Kapasiti kepimpinan guru dan juga melibatkan item serta penafsiran disposisi kepimpinan, pengetahuan, dan kemahiran yang diperlukan untuk membina kapasiti kepimpinan guru di sekolah. Nilai purata min dan sisihan piawai berdasarkan 6 ciri kepimpinan guru adalah seperti pada Jadual 4-1. Pentafsiran adalah menggunakan skala penilaian pada Jadual 3-1.

Jadual 4-1: Purata Min Bagi Dimensi Kapasiti Kepimpinan Guru

Bil	Ciri	Purata min
1	Penglibatan secara luas dalam kerja kepimpinan	2.97
2	Penglibatan secara mahir dalam tugas kepimpinan	3.17
3	Penggunaan maklumat berasaskan ‘inquiry’ untuk mendapatkan perkongsian keputusan dan amalan	2.61
4	Peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kerjasama yang luas.	2.98
5	Amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu kebiasaan.	3.02
6	Pencapaian pelajar yang tinggi	3.27

Dari Jadual 4-1, didapati ciri penglibatan secara luas dalam kerja kepimpinan ($\text{min}=2.97$), penggunaan maklumat berasaskan ‘inquiry’ untuk menyatakan perkongsian keputusan dan amalan ($\text{min}=2.61$) dan peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kerjasama yang luas ($\text{min}=2.98$) adalah mempunyai nilai min yang sederhana. Ini bermakna dari item yang disoal kebanyakan guru-guru sampel memilih jawapan ‘kerapkali melakukannya’ di sekolah mereka. Bagi ciri-ciri penglibatan secara mahir dalam tugas kepimpinan ($\text{min}=3.17$), amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu kebiasaan ($\text{min}=3.02$), dan pencapaian pelajar yang tinggi ($\text{min}=3.27$) nilai purata min yang didapati adalah tinggi. Ini bermakna jawapan responden terhadap item yang dikemukakan kebanyakannya adalah antara ‘kerapkali melakukannya’ dan ‘berterusan melakukannya’ amalan ini di sekolah mereka.

Penglibatan Secara Luas Dalam Tugas Kepimpinan

Jadual 4-2 adalah analisis taburan kekerapan skor bagi ciri penglibatan secara meluas dalam tugas kepimpinan di sekolah. Didapati nilai purata min adalah sederhana ($\text{min} = 2.97$). Ini bermakna responden telah melakukannya secara kerapkali dan berterusan di sekolah mereka. Item 1, ialah penglibatan guru dalam membantu melaksanakan kerja-kerja pentadbiran secara bersama dan bekerja secara berkumpulan ($\text{min}= 3.14, \text{s.p}=0.91$) di sekolah mereka dan keputusan menunjukkan 47.7% responden mendakwa mereka kerapkali melakukannya dan 23.1% pula menyatakan mereka telah berterusan melakukannya. Didapati juga 7.7% responden boleh mengajar orang lain dalam usaha ini. Item 2, ialah tentang menguruskan sekolah untuk memaksimumkan interaksi dikalangan warga sekolah dan komuniti, didapati ($\text{min}=2.47, \text{s.p}=0.96$) amalannya ialah sederhana dan ini bermakna kebanyakan pilihan responden ialah diantara kadang-kadang dan kerapakali melakukannya dan dapatan menunjukkan 42.3% guru menyatakan mereka kadang-kadang melakukannya. Item 3 iaitu berkenaan perkongsian kuasa dan sumber yang telah diperuntukan secara meluas dalam unit/bahagian mereka ($\text{min}=3.14, \text{s.p}=0.89$), didapati 53.8% memilih mereka kerapkali melakukannya dan 20.5% menyatakan mereka berterusan melakukannya. Dari item 4 didapati sebanyak 43.6% guru-guru mengatakan mereka melibatkan orang lain dalam peluang yang ada untuk memimpin dan 25.6% darinya mengatakan mereka melakukannya secara berterusan.

Jadual 4-2: Taburan Kekerapan Skor Penglibatan Secara Luas Dalam Tugas Kepimpinan Di Sekolah Kajian

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
1	Membantu dalam mewujudkan kerja-kerja pentadbiran dan kerja-kerja berkumpulan secara bersama.	2 (2.6)	15 (19.2)	37 (47.4)	18 (23.1)	6 (7.7)	3.14	0.91
2	Membantu pengurusan sekolah untuk memaksimumkan interaksi dikalangan warga sekolah dengan komuniti.	11 (14.1)	33 (42.3)	21 (26.9)	12 (15.4)	1 (1.3)	2.47	0.96
3	Berkongsi kuasa dan sumber yang telah diperuntukan secara meluas dalam unit/bidang anda.	3 (3.8)	11 (14.1)	42 (53.8)	16 (20.5)	6 (7.7)	3.14	0.89
4	Libatkan orang lain dalam peluang yang ada untuk memimpin	3 (3.8)	15 (19.2)	34 (43.6)	20 (25.6)	6 (7.7)	3.14	0.95
Keseluruhan						Purata		
						Min :	2.97	

Nota: N = 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus

Petunjuk: 1: Tidak melakukannya 2: Kadang-kadang melakukannya 3: Kerap kali melakukannya 4: Bertenusan melakukannya 5: Boleh mengajar orang lain.

Penglibatan Secara Mahir Dalam Kerja-Kerja Kepimpinan

Jadual 4-3 adalah analisis ciri penglibatan secara mahir dalam kerja-kerja kepimpinan di sekolah kajian dimana guru adalah sebagai model, menjelaskan serta menunjukkan kemahiran-kemahiran kepimpinan. Dari analisis 9 item itu didapati purata minnya adalah tinggi iaitu 3.17. Ini menunjukkan responden telah kerapkali dan berterusan melakukan amalan ini di sekolah mereka. Item 5 (a),(b),(c),dan (d), mempunyai nilai min yang tinggi iaitu lebih dari 3.0, ini bermakna kebanyakan responden memilih antara kerapkali melakukan dan juga berterusan melakukannya di sekolah. Item 5(a), ialah membina matlamat pembelajaran bersama ($\text{min}=3.27, \text{s.p}=0.88$) dan didapati sebanyak 51.3% responden kerap melakukannya dan 25.6% berterusan melakukannya. Item 5(b) adalah berkenaan memudahcara proses berkumpulan ($\text{min}=3.31, \text{s.p}=0.81$). Nilai min yang didapati adalah tinggi dan didapati sebanyak 44.9% dan 35.9% guru-guru sampel adalah kerap dan berterusan melakukannya. Bagi item 5(c) iaitu komunikasi ($\text{min}=3.15, \text{s.p}=0.81$), sebanyak 44.9% responden mengatakan mereka kerap melakukannya dan bagi item 5(d) iaitu bekerjasama dalam merancang aktiviti unit atau bahagian sekolah ($\text{min}=3.29, \text{s.p}=0.84$) minnya juga adalah tinggi dan didapati 38.5% responden berterusan melakukannya. Bagi item 5(e), 5(f), 5(g), dan 5(i) didapati nilai min adalah sederhana oleh itu responden ‘kadang-kadang melakukannya’ dan ‘kerapkali melakukan’ perkara ini di sekolah mereka. Item 5(f) adalah membuat refleksi terhadap amalan kebiasaan di sekolah ($\text{min}=2.90, \text{s.p}=0.92$), 28.2% responden memilih ‘kadang-kadang melakukannya’ dan 42.3% memilih ‘kerapkali melakukannya’ di sekolah mereka.

Jadual 4-3: Taburan Kekerapan Skor Penglibatan Secara Makir Kerja-Kerja Kepimpinan Di Sekolah Kajian

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
5.	Menjadi model, menjelas dan menunjuk cara kemahiran-kemahiran kepimpinan yang berikut:							
(a)	Membina matlamat pembelajaran bersama dan di kongsi bersama	2 (2.6)	9 (11.5)	40 (51.3)	20 (25.6)	7 (9.0)	3.27	0.88
(b)	Memudah cara proses berkumpulan	1 (1.3)	10 (12.8)	35 (44.9)	28 (35.9)	4 (5.1)	3.31	0.81
(c)	Berkomunikasi (terutamanya mendengar dan menyampaikan)	1 (1.3)	15 (19.2)	35 (44.9)	25 (32.1)	2 (2.6)	3.15	0.81
(d)	Berkerjasama dalam merancang aktiviti unit/bidang di sekolah	0 (0.0)	15 (19.2)	29 (37.2)	30 (38.5)	4 (5.1)	3.29	0.84
(e)	Mengambil tahu masalah dan isu yang dihadapi oleh komuniti sekolah.	4 (5.1)	24 (30.8)	29 (37.2)	19 (24.4)	2 (2.6)	2.88	0.93
(f)	Membuat refleksi terhadap amalan.	4 (5.1)	22 (28.2)	33 (42.3)	16 (20.5)	3 (3.8)	2.90	0.92
(g)	Menguruskan konflik yang timbul dikalangan rakan dewasa.	9 (11.5)	25 (32.1)	29 (37.2)	12 (15.4)	3 (3.8)	2.68	1.00
(h)	Menyelesaikan masalah dengan rakan dan pelajar.	1 (1.3)	17 (21.8)	38 (48.7)	18 (23.1)	4 (5.1)	3.09	0.84
(i)	Menguruskan inovasi dan transisi dalam unit/bahagian sekolah.	12 (15.4)	24 (30.8)	29 (37.2)	11 (14.1)	2 (2.6)	2.58	1.00
Keseluruhan								Purata Min: 3.17

Nota: N = 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus

Perunjuk: 1: Tidak melakukannya 2: Kadang-kadang melakukannya 3: Kerap kali melakukannya
4: Berterusan melakukannya 5: Boleh mengajar orang lain.

Penggunaan Maklumat Berasaskan ‘Inquiry’ Untuk Mendapatkan Perkongsian Keputusan Dan Amalan

Dari Jadual 4-4, Analisis kesemua item menunjukkan nilai purata min adalah sederhana iaitu 2.61, nilai ini bermaksud kebanyakan responden memilih jawapan antara ‘kadang-kadang melakukannya’ dengan ‘kerapkali melakukannya’ di sekolah mereka. Bagi item 6,8,9,10 dan 11 pilihan responden adalah kebanyakannya ‘kadang-kadang melakukannya’ dan ‘kerap kali melakukannya’. Item 6 iaitu berkomunikasi secara tindakan dan perkataan tentang perkaitan antara kepimpinan dengan pembelajaran ($\text{min}=2.31, \text{s.p}=0.87$) didapati nilai min adalah sederhana, ini bermakna sebanyak 52.6% responden memilih ‘kadang-kadang melakukannya’. Item 11, adalah mengambil bahagian bersama dalam proses pentadbiran yang menggabungkan data semasa membuat keputusan yang dikongsi bersama ($\text{min}=2.63, \text{s.p}=0.98$) sebanyak 39.7% responden memilih ‘kadang-kadang melakukannya’. Bagi item 7, iaitu melibatkan orang lain dalam kitaran pembelajaran ($\text{min}=3.03, \text{s.p}=0.93$) didapati nilai minnya tinggi, dan kebanyakan responden memilih antara ‘kerapkali melakukannya’ iaitu sebanyak (42.3%) dan sebanyak 29.5% ‘berterusan melakukannya’.

Jadual 4-4: Taburan Kekerapan Skor Penggunaan Maklumat Berasaskan ‘Inquiry’ Untuk Mendapatkan Perkongsian Keputusan Dan Amalan Di Sekolah Kajian

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
6	Berkomunikasi dengan cara tindakan dan juga perkataan tentang kepimpinan dan pembelajaran.	11 (14.1)	41 (52.6)	18 (23.1)	7 (9.0)	1 (1.3)	2.31	0.87
7	Melibatkan orang lain dalam kitaran pembelajaran (iaitu refleksi, dialog, penyelidikan, pelan tindakan)	5 (6.4)	15 (19.2)	33 (42.3)	23 (29.5)	2 (2.6)	3.03	0.93
8	Membina perancangan dan penjadualan untuk mengadakan sesi dialog dan refleksi secara bersama pada masa yang dipersetujui.	12 (15.4)	23 (29.5)	27 (34.6)	15 (19.2)	1 (1.3)	2.62	1.01
9	Mengenalpasti, mendedahkan, dan mentafsirkan maklumat, data-data atau peristiwa sekolah.	9 (11.5)	26 (33.3)	28 (35.9)	13 (16.7)	2 (2.6)	2.65	0.98
10	Merekabentuk dan melaksanakan satu sistem komunikasi yang boleh memastikan semua boleh mengetahuinya, menjaga dan mentafsirkan data itu.	19 (24.4)	24 (30.8)	20 (25.6)	13 (16.7)	2 (2.6)	2.42	1.11
11	Mengambil bahagian bersama dalam proses pentadbiran yang menggabungkan data semasa membuat keputusan yang dikongsi bersama.	8 (10.3)	31 (39.7)	23 (29.5)	14 (17.9)	2 (2.6)	2.63	0.98
Keseluruhan							Purata	
							Min:	2.61

Nota: N = 78. SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus

Petunjuk: 1: Tidak melakukannya 2: Kadang-kadang melakukannya 3: Kerapkali melakukannya

4: Berterusan melakukannya 5: Boleh mengajar orang lain.

Peranan Dan Tanggungjawab Yang Menunjukkan Penglibatan Dan Kolaborasi Yang Luas

Analisis ciri peranan dan tanggungjawab kesan daripada penglibatan dan kerjasama yang luas di sekolah dapat dilihat pada Jadual 4-5. Didapati nilai purata min adalah sederhana iaitu 2.98. Ini bermakna kebanyakan responden memilih jawapan antara ‘kadang-kadang melakukannya’ dan ‘kerapkali melakukannya’. Item 12 , iaitu ‘menghayati peranan diri sendiri termasuk dalam memberi perhatian terhadap bilik darjah, sekolah, komuniti dan profesiion’ ($\text{min}=3.54, \text{s.p}=0.80$), didapati nilai min adalah tinggi dan sebanyak 30.8% responden menyatakan ‘kerapkali melakukannya’ dan 50.0% dari responden memilih mereka telah berterusan melakukannya. Bagi item 13 ,14 dan 15, nilai min adalah sederhana iaitu ($\text{min}=2.85, \text{s.p}=1.12$), ($\text{min}=2.71, \text{s.p}=1.01$), dan ($\text{min}=2.81, \text{s.p}=0.97$) masing-masingnya oleh itu didapati kebanyakan guru memilih ‘kadang-kadang melakukannya’ dan ‘kerapkali melakukannya’. Bagi item 15, iaitu “membentuk jangkaan dan strategi bersama untuk memastikan bahawa guru-guru berkongsi bersama tanggungjawab untuk melaksanakan apa yang telah dipersetujui bersama oleh komuniti sekolah” ($\text{min}=2.81, \text{s.p}=0.97$) nilai minnya sederhana oleh itu didapati 34.6% responden mengatakan mereka hanya kerapkali melakukan amalan ini di sekolahnya.

Jadual 4-5: Taburan Kekerapan Skor Peranan Dan Tanggungjawab Yang Menunjukkan Penglibatan Dan Kolaborasi Yang Meluas Di Sekolah Kajian

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
12	Menghayati peranan diri sendiri termasuk dalam memberi perhatian terhadap bilik darjah, sekolah, komuniti, dan profesiion.	0 (0.0)	9 (11.5)	24 (30.8)	39 (50.0)	6 (7.7)	3.54	0.80
13	Menyerhati dan peka bahawa guru melaksanakan tugas diluar peranan biasanya dan memaklum kepada danya berhubung dengan faedah perubahan tersebut.	10 (12.8)	19 (24.4)	28 (35.9)	15 (19.2)	6 (7.7)	2.85	1.12
14	Membentuk strategi untuk memperkuatkuhan hubungan baru yang akan wujud hasil daripada peranan yang lebih luas.	9 (11.5)	24 (30.8)	29 (37.2)	13 (16.7)	3 (3.8)	2.71	1.01
15	Memastikan bahawa peserta berkongsi tanggungjawab untuk melaksanakan apa yang telah di persetujuui bersama oleh komuniti sekolah.	8 (10.3)	21 (26.9)	27 (34.6)	22 (28.2)	0 (0.0)	2.81	0.97
Keseluruhan		Purata				Min:	2.98	

Nota: N= 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus

Petunjuk: 1: Tidak melakukannya 2: Kadang-kadang melakukannya 3: Kerap kali melakukannya 4: Berterusan melakukannya 5: Boleh mengajar orang lain.

Amalan Refleksi Atau Inovasi Sebagai Suatu Kebiasaan

Nilai purata min bagi “amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu kebiasaan” adalah tinggi iaitu 3.02 (Jadual 4-6), Oleh itu responden cenderung untuk memilih pilihan jawapan antara ‘kerapkali melakukannya’ dan berterusan melakukannya’. Item 16, ialah “amalan penyelidikan melibatkan amalan refleksi yang sedang berlaku” ($\text{min}=2.60, \text{s.p}=1.02$) nilai minnya adalah kecil oleh itu didapati sebanyak 33.3% responden menyatakan mereka ‘kadang-kadang melakukannya’ dan 26.9% responden menyatakan mereka ‘kerapkali melakukannya’. Item 17 iaitu menunjukcara dan menggalakkan usaha secara individu dan secara kumpulan dengan menyediakan kemudahan sumber, kakitangan dan masa ($\text{min}=2.68, \text{s.p}=1.03$), juga nilai min yang didapati adalah kecil dan ini menunjukkan yang kebanyakan guru memilih antara ‘kadang-kadang melakukannya’ (28.2%) dan kerapkali melakukannya (35.9%). Nilai min bagi item 18 pula adalah tinggi($\text{min}=3.10, \text{s.p}=0.82$). Ini bermakna 52.6% responden memilih ‘kerapkali melakukan’ pengamalan dan menyokong innovasi tanpa mengharapkan kejayaan terlalu awal darinya. Item 19, adalah menyertai dan memberi galakan terhadap inovasi ($\text{min}=3.56, \text{s.p}=0.73$), didapati sebanyak 51.3% responden menyatakan mereka ‘berterusan melakukannya’. Bagi item 20 iaitu ‘melibatkan diri dengan mereka yang membuat inovasi ($\text{min}=3.17, \text{s.p}=0.86$), sebanyak 43.6% menyatakan mereka kerapkali dan 32.1% mengatakan mereka berterusan melakukannya di sekolah mereka.

Jadual 4-6: Taburan Kekerapan Skor Amalan Refleksi Atau Inovasi Sebagai Suatu Kebiasaan Di Sekolah Kajian

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
16	Memastikan amalan penyelidikan dan perj adjuduan masa melibatkan peringkat amalan refleksi yang sedang berlaku.	12 (15.4)	26 (33.3)	21 (26.9)	19 (24.4)	0 (0.0)	2.60	1.02
17	Menunjukcara dan menggalakkan usaha individu dan usaha kumpulan dengan menyediakan kemudahan sumber, kakitangan, dan masa.	11 (14.1)	22 (28.2)	28 (35.9)	15 (19.2)	2 (2.6)	2.68	1.03
18	Mengamalkan dan menyokong sebarang inovasi tanpa mengharapkan kejayaan terlalu awal.	1 (1.3)	15 (19.2)	41 (52.6)	17 (21.8)	4 (5.1)	3.10	0.82
19	Menyertai dan memberi galakan terhadap pembaharuan yang dibina secara kolaboratif.	0 (0.0)	6 (7.7)	27 (34.6)	40 (51.3)	5 (6.4)	3.56	0.73
20	Melibatkan diri dengan mereka yang membuat inovasi untuk memajukan diri, penaksiran, dan mempunyai akauntabiliti dalam menilai kerja individu dan kerja kumpulan.	2 (2.6)	14 (17.9)	34 (43.6)	25 (32.1)	3 (3.8)	3.17	0.86
Keseluruhan								Purata 3.02
Min:								

Nota: N= 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus

*Petunjuk: 1: Tidak melakukannya 2: Kadang-kadang melakukannya 3: Kerap kali melakukannya
4: Berterusan melakukannya 5: Boleh mengajar orang lain.*

Pencapaian Pelajar Yang Tinggi

Dapatan dari analisis di Jadual 4-7, menunjukkan ciri “pencapaian pelajar yang tinggi” mempunyai nilai purata min yang tinggi iaitu 3.27. Ini bermakna kebanyakan responden memilih jawapan antara ‘kerapkali melakukannya’ dan ‘berterusan melakukannya’. Item-item 21,25 dan 26 menunjukkan kebanyakan responden memilih mereka telah ‘berterusan melakukannya’. Item 21 adalah berkerja bersama komuniti sekolah untuk mencapai keperluan dan kehendak manusia masa ini yang mencabar ($\text{min}=3.23, \text{s.p}=0.87$), didapati sebanyak 38.5% responden menyatakan mereka telah ‘berterusan melakukannya’ dan item 25, iaitu ‘merangka semula peranan dan struktur untuk membolehkan sekolah membangunkan program yang boleh membangunkan resiliensi pelajar’($\text{min}=3.41, \text{s.p}=0.80$), keputusan menunjukkan 43.6% responden menyatakan mereka telah ‘berterusan melakukannya’ dan item 26, sebanyak 41.0% responden menyatakan mereka juga telah ‘berterusan melakukannya’. Bagi item 22 ($\text{min}=3.36, \text{s.p}=0.81$), item 23 ($\text{min}=3.23, \text{s.p}=0.98$), dan item 24 ($\text{min}=3.15, \text{s.p}=0.85$), semuanya dengan min yang tinggi maka kebanyakan responden memilih antara ‘kerapkali melakukannya’ dan juga ‘berterusan melakukannya’. Dari item 22, sebanyak 42.3% responden menyatakan mereka ‘kerapkali melakukannya’ dan item 23 pula sebanyak 38.5% responden pula memilih mereka ‘kerapkali melakukannya’.

Jadual 4-7: Taburan Kekerapan Skor Pencapaian Pelajar Yang Tinggi Di Sekolah Kajian

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
21	Bekerjasama dengan komuniti sekolah untuk mencapai keperluan dan kehendak manusia masa kini yang mencabar.	1 (1.3)	16 (20.5)	28 (35.9)	30 (38.5)	3 (3.8)	3.23	0.87
22	Merekabentuk, mengajar, melatih dan mentafsir kurikulum pengajaran dan penilaian yang dibuat dengan berasaskan prestasi pelajar.	1 (1.3)	9 (11.5)	33 (42.3)	31 (39.7)	4 (5.1)	3.36	0.81
23	Memberikan maklumbalas yang sistematis kepada pelajar dan ibu bapa tentang kemajuan pelajar.	3 (3.8)	14 (17.9)	30 (38.5)	24 (30.8)	7 (9.0)	3.23	0.98
24	Menerima maklumbalas tentang jangkaan pembelajaran anak dari keluarganya.	1 (1.3)	17 (21.8)	32 (41.0)	25 (32.1)	3 (3.8)	3.15	0.85
25	Merangka semula peranan dan struktur untuk membolehkan sekolah membangunkan program yang boleh membangunkan resiliensi pelajar.	1 (1.3)	8 (10.3)	31 (39.7)	34 (43.6)	4 (5.1)	3.41	0.80
26	Memastikan kitaran pembelajaran di sekolah dapat menjangkau pencapaian melalui prestasi penilaian kerja pelajar, peperiksaan dan penyelidikan.	2 (2.6)	13 (16.7)	29 (37.2)	32 (41.0)	2 (2.6)	3.24	0.86
Keseluruhan						Purata		
						Min:	3.27	

Nota: N = 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus
Petunjuk: 1: Tidak melakukannya 2: Kadang-kadang melakukannya 3: Kerap kali melakukannya
4: Berterusan melakukannya 5: Boleh mengajar orang lain.

Soalan Kajian 2

Apakah kapasiti kepimpinan sekolah yang terdapat di sekolah yang dikaji?

Bahagian kedua membincangkan dapatan daripada dimensi “Kapasiti kepimpinan sekolah” dan dalam dimensi ini terdapat lima ciri-ciri untuk mendapatkan maklumat kapasiti kepimpinan yang terdapat di sekolah.

Dari Jadual 4-8, didapati bahawa kesemua ciri-ciri kepimpinan yang dikaji menunjukkan nilai purata min yang tinggi. Lima ciri kapasiti kepimpinan sekolah yang diukur ialah penyertaan secara luas dan mahir dalam kerja-kerja kepimpinan ($\text{min}=3.27$), penggunaan maklumat berdasarkan ‘inquiry’ untuk mendapatkan perkongsian keputusan dan amalan ($\text{min}=3.20$) peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kolaborasi yang meluas ($\text{min}=3.39$), amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu norma ($\text{min}=3.37$), dan pencapaian yang tinggi oleh pelajar ($\text{min}=3.61$). Ini bermakna kebanyakan responden telah memilih dengan banyaknya pilihan ‘sedang melakukan kemajuan’ dan ‘telah menghadapi keadaan itu di sekolah mereka dengan mantap’. Oleh kerana dari pengukuran didapati nilai purata min yang ditunjukkan oleh setiap ciri adalah tinggi ini bermakna kapasiti kepimpinan sekolah adalah tinggi di sini.

Jadual 4-8: Purata Min Bagi Dimensi Kapasiti Kepimpinan Sekolah

Bil	Ciri-Ciri	Purata min
1	Penyertaan secara luas dan mahir dalam tugas kepimpinan.	3.27
2	Penggunaan maklumat berdasarkan ‘inquiry’ untuk mendapatkan perkongsian keputusan dan amalan.	3.20
3	Peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kolaborasi yang luas.	3.39
4	Amalan refleksi atau inovasi sebagai suatu kebiasaan.	3.37
5	Pencapaian pelajar yang tinggi	3.61

Penglibatan Luas Dan Mahir Dalam Tugas Kepimpinan

Dapatan analisis ciri “penglibatan luas dan mahir dalam tugas kepimpinan adalah seperti di Jadual 4-9. Dalam ciri ini purata min adalah tinggi iaitu 3.27. Ini menunjukkan kebanyakan responden memilih antara ‘kami sedang melakukan kemajuan disini’ dan ‘kami telah menghadapi keadaan ini dengan mantap’. Item 1, adalah pembentukan pasukan pentadbiran sekolah ($\text{min}=2.95, \text{s.p}=1.26$), dengan min yang sederhana, didapati sebanyak 28.2% responden mengatakan ‘kami sedang melakukan kemajuan disini’. Item-item 2,3,4, dan 6 pula adalah mempunyai nilai purata min yang tinggi iaitu melebihi 3.0, bermakna kebanyakan responden memilih antara ‘kami sedang melakukan kemajuan disini’ dan ‘kami telah menghadapi keadaan ini dengan mantap’. Item 2, ialah melaksanakan kerja-kerja secara bekerjasama dalam kumpulan yang besar dan kecil ($\text{min}=3.47, \text{s.p}=0.86$), seramai 42.3% responden menyatakan mereka sedang melakukan

kemajuan dan 33.3% menyatakan mereka telah menghadapi keadaan ini dengan mantap. Item 3, ialah mereka sebagai model dan menunjukkan kemahiran-kemahiran kepimpinan ($\text{min}=3.19, \text{s.p}=1.11$), didapati 33.3% menyatakan mereka sedang melakukan kemajuan dan bagi item 4, iaitu tentang mewujudkan interaksi yang maksimum dikalangan guru dan pelajar ($\text{min}=3.36, \text{s.p}=1.09$), 34.6% responden menyatakan mereka juga sedang melakukan kemajuan dalam hal ini dan 28.2% responden pula menyatakan mereka telah menghadapi keadaan ini dengan mantap. Item 6, tentang berkongsi kuasa yang telah diperuntukan dalam unit/bidang secara meluas ($\text{min}=3.13, \text{s.p}=0.96$), sebanyak 38.5% responden sedang melakukan kemajuan dan 34.6% pula menyatakan mereka telah menghadapi keadaan ini dengan mantap. Nilai min bagi item 5 ($\text{min}=3.53, \text{s.p}=1.08$) adalah tinggi dan didapati 33.3% responden menyatakan ‘mereka telah menghadapi keadaan itu dengan mantap’ dan 20.5% responden menyatakan mereka telah memperkuuhkan amalan itu di sekolah.

Jadual 4-9: Taburan Kekerapan Skor Penglibatan Luas Dan Mahir Dalam Kerja-Kerja Kepimpinan Di Sekolah Kajian

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
1	Telah mewujudkan pasukan pentadbir di sekolah	12 (15.4)	17 (21.8)	22 (28.2)	17 (21.8)	10 (12.8)	2.95	1.26
2	Melaksanakan kerja-kerja secara berkerjasama dalam kumpulan yang besar dan kecil.	0 (0.0)	9 (11.5)	33 (42.3)	26 (33.3)	10 (12.8)	3.47	0.86
3	Menjadi model dan menunjukkan kemahiran-kemahiran kepimpinan.	4 (5.1)	18 (23.1)	26 (33.3)	19 (24.4)	11 (14.1)	3.19	1.11
4	Mengejolokan sekolah untuk mewujudkan interaksi yang maksimum dikalangan guru dan pelajar-pelajar.	4 (5.1)	12 (15.4)	27 (34.6)	22 (28.2)	13 (16.7)	3.36	1.09
5	Berkongsi sumber-sumber maklumat dalam unit/bidang atau kemahiran secara meluas.	2 (2.6)	13 (16.7)	21 (26.9)	26 (33.3)	16 (20.5)	3.53	1.08
6	Berkongsi kuasa yang telah diperuntukkan dalam unit/bidang secara meluas.	5 (6.4)	13 (16.7)	30 (38.5)	27 (34.6)	3 (3.8)	3.13	0.96
7	Memberi peluang kepada setiap orang lain untuk memimpin.	6 (7.7)	13 (16.7)	24 (30.8)	24 (30.8)	11 (14.1)	3.27	1.14
Keseluruhan		Purata		Min:		3.27		

Nota: N = 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus

Petunjuk: 1: Kami tidak melakukan perkara ini di sekolah kami 2: Kami sedang bermula kearah itu 3: Kami sedang melatukkan kemajuan di sini 4: Kami telah menghadapi keadaan ini dengan manut 5: Kami telah memperkuatkan amalan kami

Penggunaan Maklumat Berasaskan ‘Inquiry’ Untuk Mendapatkan Perkongsian Keputusan Dan Amalan.

Jadual 4-10, adalah analisis dapatan bagi ciri penggunaan maklumat berasaskan inquiry untuk menyatakan perkongsian keputusan dan amalan di sekolah kajian dan didapati purata min adalah tinggi iaitu 3.20. Ini bermakna kebanyakkan responden memilih antara ‘sedang melakukan kemajuan’ dan ‘telah menghadapinya dengan mantap’. Item-item 8,9,10, dan 12 adalah mempunyai nilai min yang tinggi yang melebihi nilai 3.0 iaitu menunjukkan kebanyakkan responden menyatakan mereka sedang melakukan kemajuan dan juga telah menghadapi keadaan ini dengan mantap. Item 8, ialah kitaran pembelajaran yang melibatkan penilaian semula ($\text{min}=3.32, \text{s.p}=0.96$), seramai 44.9% responden sedang melakukan kemajuan di sekolahnya dan 28.2% telah menghadapi keadaan itu dengan mantap. Item 9, adalah berkenaan dengan meluangkan masa supaya pembelajaran dapat berlaku disemua keadaan ($\text{min}=3.33, \text{s.p}=1.03$), sebanyak 38.5% responden menyatakan mereka sedang melakukan kemajuan dan 28.2% menyatakan telah menghadapi keadaan ini dengan mantap di sekolah mereka. Dari item 12 iaitu berkenaan merekabentuk sistem maklumat yang menyeluruh yang boleh memastikan semua orang diberitahu dan terlibat ($\text{min}=3.09, \text{s.p}=1.01$), didapati 26.9% responden menyatakan mereka telah menghadapi itu dengan mantap dan bagi item 11 iaitu mengenalpasti, menemui, dan mentafsir maklumat dan data yang digunakan untuk membuat keputusan terhadap pengajaran ($\text{min}=2.95, \text{s.p}=1.08$), didapati sebanyak 38.5% responden menyatakan mereka sedang melakukan kemajuan di sekolah mereka.

Jadual 4-10: Taburan Kekerapan Skor Penggunaan Maktumat Berasaskan ‘Inquiry’ Untuk Mendapatkan Perkongsian Keputusan Dan Amalan Di Sekolah Kajian.

Item	Spesifikasi	SP						
		1	2	3	4	5		
8	Menggunakan kitaran pembelajaran yang melibatkan penilaian semula, dialog, pertanyaan dan tindakan.	3 (3.8)	9 (11.5)	35 (44.9)	22 (28.2)	9 (11.5)	3.32	0.96
9	Meluangkan masa bagi memastikan pembelajaran berlaku disini (seperti mesyuarat guru, kumpulan ad-hoc, dan pasukan)	3 (3.8)	12 (15.4)	30 (38.5)	22 (28.2)	11 (14.1)	3.33	1.03
10	Mengaitkan kitaran pembelajaran kepada keutamaan kami iaitu matlamat mengajar dan belajar.	3 (3.8)	17 (21.8)	23 (29.5)	23 (29.5)	12 (15.4)	3.31	1.10
11	Telah memengalami, menemui, dan mentafsir maklumat dan data yang digunakan untuk membuat keputusan terhadap amalan pengajaran.	7 (9.0)	19 (24.4)	30 (38.5)	15 (19.2)	7 (9.0)	2.95	1.08
12	Telah mereka bentuk sistem maklumat yang menyeluruh yang boleh memastikan semua orang diberitahu dan terlibat.	4 (5.1)	18 (23.1)	29 (37.2)	21 (26.9)	6 (97.70)	3.09	1.01
Keseluruhan		Purata			Min: 3.20			

Nota: N = 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus
Petunjuk: 1: Kami tidak melakukan perkara ini di sekolah kami 2: Kami sedang bermula kearah itu. 3. Kami sedang melakukan kemajuan di sini 4: Kami telah menghadapi keadaan ini dengan mantap 5: Kami telah memperkuatkannya amalan kami

Peranan Dan Tanggungjawab yang menunjukkan Penglibatan Dan Kolaborasi Yang Meluas.

Jadual 4-11 adalah analisis ciri peranan dan tanggungjawab yang menunjukkan penglibatan dan kolaborasi yang meluas di sekolah kajian. Nilai purata min yang didapati adalah tinggi dan ini menunjukkan sebilangan besar responden memilih ‘sedang melakukan kemajuan’ dan ‘sedang menghadapi keadaan ini dengan mantap’. Item 13 adalah tentang telah “menggariskan peranan kami termasuk memberi tumpuan kepada kelas, sekolah, masyarakat, dan kerjaya” ($\text{min}=3.50, \text{s.p}=0.99$), sebanyak 39.7% responden memilih ‘kami sedang melakukan kemajuan disini dan 26.9% dari responden memilih telah menghadapi keadaan ini dengan mantap’. Item 16, iaitu “telah membentuk rancangan untuk berkongsi tanggungjawab dalam mengimplementasikan keputusan dan persetujuan kami” ($\text{min}=3.40, \text{s.p}=1.09$), sebanyak 37.2% responden menyatakan mereka sedang melakukan kemajuan dan 26.9% mendakwa mereka telah menghadapi keadaan ini dengan mantap. Bagi item 15, iaitu berkenaan dengan “membentuk cara baru yang mana kami boleh bekerjasama untuk memupuk perhubungan antara satu dengan lain” ($\text{min}=3.38, \text{s.p}=1.08$), sebanyak 37.2% responden menyatakan mereka telah menghadapi keadaan itu dengan mantap di sekolah mereka.

Jadual 4-11: Taburan Kekerapan Skor Peranan Dan Tanggungjawab yang menunjukkan Pengibaran Dan Keterwujudan Meluas Di Sekolah Kajian

Item	Spesifikasi	SP					Min	Max
		1	2	3	4	5		
13	telah menggariskan peranan kami termasuk memberi tumpuan kepada kelas, sekolah, masyarakat dan kerjaya.	1 (1.3)	10 (12.8)	31 (39.7)	21 (26.9)	15 (19.2)	3.50	0.99
14	peka kepada tanda-tanda yang kami telah melaksanakan peranan diluar dari amalan tradisi.	1 (1.3)	18 (23.1)	25 (32.1)	25 (32.1)	9 (11.5)	3.29	0.99
15	telah membentuk cara baru yang mana kami boleh bekerja bersama untuk memupuk pertumbungan antara satu dengan lain	4 (5.1)	13 (16.7)	21 (26.9)	29 (37.2)	11 (14.1)	3.38	1.08
16	telah membentuk rancangan untuk berkongsi tanggungjawab dalam mengimplementasikan keputusan dan persetujuan kami.	4 (5.1)	10 (12.8)	29 (37.2)	21 (26.9)	14 (17.9)	3.40	1.09
Keseluruhan		Purata					Min:	3.39

*Nota: N = 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus
Petunjuk: 1: Kami tidak melakukan perkara ini di sekolah kami 2: Kami sedang bermula kearah itu 3: Kami sedang melakukan kemajuan di sini 4: Kami telah menghadapi keadaan ini dengan mantap 5: Kami telah memperkuatkan amalan kami*

Amalan Refleksi Atau Inovasi Sebagai Suatu Kebiasaan

Dalam ciri ini terdapat enam item dan dari analisis telah didapati nilai purata min yang tinggi iaitu sebanyak 3.37. Ini bermakna kebanyakan responden memilih ‘sedang melakukan kemajuan’ dan ‘telah menghadapi keadaan ini dengan mantap’ di sekolah mereka, dapatan adalah seperti di Jadual 4-12. Item-item 17, 19, 20, 21, dan 22, juga menunjukkan min yang tinggi. Item 17 ialah “memastikan bahawa kitaran pembelajaran dan penjadualan memberi ruang untuk berlakunya refleksi ($\text{min}=3.50, \text{s.p}=0.99$). Dapatan menunjukkan 35.9% responden menyatakan mereka sedang melakukan kemajuan dan 33.3% responden menyatakan mereka telah menghadapi keadaan ini dengan mantap. Item 20, iaitu berkenaan dengan mengamal dan membantu proses inovasi ($\text{min}=3.37, \text{s.p}=0.90$), sebanyak 41.0% responden memilih sedang melakukan kemajuan dan 33.3% memilih telah menghadapi keadaan ini dengan mantap. Item 22, berkenaan dengan “membangunkan kriteria kami sendiri untuk pemantauan, pentaksiran dan akauntabiliti berkaitan dengan kerja individu dan kerja yang dilakukan bersama” ($\text{min}=3.42, \text{s.p}=1.05$), sebanyak 28.2% responden menyatakan mereka telah menghadapi keadaan ini dengan mantap.

Jadual 4-12: Taburan Kekerapan Skor Amalan Refleksi Atau Inovasi Sebagai Suatu Keduaan Di Sekolah Negeri

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
17	memastikan yang kitaran pembelajaran melibatkan masa dan tempat untuk meneruskan amalan refleksi yang sedang berlaku.	2 (2.6)	9 (11.5)	28 (35.9)	26 (33.3)	13 (16.7)	3.50	0.99
18	menunjuk cara dan memberikan galakan kepada daya usaha individu dan kumpulan dengan menyediakan kemudahan sumber, personel dan masa.	4 (5.1)	16 (20.5)	23 (29.5)	29 (37.2)	6 (7.7)	3.22	1.03
19	telah membina rangkaian dengan sekolah-sekolah lain dalam dan luar daerah untuk maklumbalas dari kerja kami.	4 (5.1)	17 (21.8)	25 (32.1)	22 (28.2)	10 (12.8)	3.22	1.09
20	mengamal dan membantu inovasi tanpa jangkaan kejayaan awal yang tidak realistik.	1 (1.3)	11 (14.1)	32 (41.0)	26 (33.3)	8 (10.3)	3.37	0.90
21	memberi galakan dan menyertai inovasi yang dipersejui bersama.	1 (1.3)	11 (14.1)	28 (35.9)	26 (33.3)	12 (15.4)	3.47	0.96
22	membangunkan kriteria kami sendiri untuk pemantauan, pentaksiran, dan akauntabiliti berkaitan dengan kerja individu dan kerja yang dilakukan bersama.	5 (6.4)	5 (6.4)	33 (42.3)	22 (28.2)	13 (16.7)	3.42	1.05

Keseluruhan

Purata
Min:

3.37

*Nota: N = 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus
Petunjuk: 1: Kami tidak melakukan perkara ini di sekolah kami 2: Kami sedang bermula kearah itu. 3. Kami sedang melakukan kemajuan di sini 4: Kami telah menghadapi keadaan ini dengan manapun 5: Kami telah mempertukuhkan amalan kami*

Pencapaian Pelajar Yang Tinggi

Dari Jadual 4-13, analisis data menunjukkan purata min bagi ciri “pencapaian pelajar yang tinggi,” iaitu sebanyak 3.61. Kebanyakan responden memilih antara ‘sedang melakukan kemajuan’ dan ‘telah menghadapi keadaan ini dengan mantap’. Item 23, iaitu berkaitan dengan “bekerja bersama komuniti sekolah untuk menghadapi cabaran dan memenuhi kehendak manusia dimasa hadapan” ($\text{min}=3.76, \text{s.p}=0.96$) sebanyak 34.6% responden telah memilih ‘telah menghadapi keadaan ini dengan mantap’ dan 25.6% dari responden telah menyatakan yang mereka telah memperkuatkan amalan ini’. Item 24 adalah berkenaan “ merekabentuk, mengajar, melatih, dan menilai kurikulum dan prosesnya untuk memastikan semua pelajar dapat belajar dengan berkesan” ($\text{min}=3.68, \text{s.p}=0.99$), didapati sebanyak 34.6% responden memilih ‘telah menghadapi keadaan ini dengan mantap’. Item 25 ialah mengadakan maklumbalas yang sistematik untuk pelajar dan keluarga mereka mengenai kemajuan pelajar ($\text{min}=3.58, \text{s.p}=1.01$), sebanyak 37.2% responden menyatakan sekolah mereka ‘telah menghadapi dengan mantap’. Bagi item 26 iaitu ‘menerima maklum balas dari keluarga pelajar tentang kemajuan pelajar tersebut dan program sekolah’ ($\text{min}=3.47, \text{s.p}=0.98$) dan item 27 iaitu ‘merangka semula peranan dan struktur untuk membolehkan sekolah membangunkan program untuk pembangunan resiliensi pelajar’ ($\text{min}=3.58, \text{s.p}=0.97$), telah menunjukkan nilai min yang tinggi, dan didapati sebanyak 43.6% dan 37.2% responden menyatakan mereka memilih ‘telah menghadapi keadaan dengan mantap’.

Jadual 4-13: Taburan Kekerapan Skor Pencapaian Pelajar Yang Tinggi Di Sekolah Majun

Item	Spesifikasi	1	2	3	4	5	Min	SP
23	Bekerja bersama komuniti sekolah untuk menghadapi cabaran dan memenuhi kehendak manusia dimasa depan.	0 (0.0)	8 (10.3)	23 (29.5)	27 (34.6)	20 (25.6)	3.76	0.96
24	Merekabentuk, mengajar, melatih dan menilai kurikulum dan prosesnya untuk memastikan semua pelajar dapat belajar dengan berkesan.	1 (1.3)	8 (10.3)	24 (30.8)	27 (34.6)	18 (23.1)	3.68	0.99
25	Mengadakan maklumbalas yang sistematis untuk pelajar dan keluarga mereka mengenai kemajuan pelajar.	1 (1.3)	12 (15.4)	21 (26.9)	29 (37.2)	15 (19.2)	3.58	1.01
26	Menerima maklumbalas dari keluarga pelajar tentang kemajuan pelajar tersebut dan program sekolah.	3 (3.8)	9 (11.5)	23 (29.5)	34 (43.6)	9 (11.5)	3.47	0.98
27	Merangka semula peranan dan struktur untuk membolehkan sekolah membangunkan program yang boleh membangunkan resiliensi pelajar.	1 (1.3)	10 (12.8)	24 (30.8)	29 (37.2)	14 (17.9)	3.58	0.97
Keseluruhan		Purata		Min:		3.61		

Nota: N = 78, SP : Sisihan piawai, () : Angka dalam kurungan adalah dalam peratus

Petunjuk: 1: Kami tidak melakukan perkara ini di sekolah kami 2: Kami sedang bermula kearah itu 3: Kami sedang melakukan kemajuan di sini 4: Kami telah menghadapi keadaan ini dengan mantap 5: Kami telah mempertukuhkan amalan kami

Soalan Kajian 3

Apakah hubungan antara kapasiti kepimpinan guru dan kapasiti kepimpinan sekolah di sekolah yang dikaji?

Untuk melihat perhubungan diantara kedua-dua kapasiti kepimpinan guru dengan kapasiti kepimpinan sekolah maka ujian korelasi Pearson dilakukan dan dapatannya ialah seperti di Jadual 4-14. Dapatannya menunjukkan nilai r adalah positif ($r = 0.569$, $p < 0.01$) oleh itu ia bermaksud keduanya mempunyai hubungan positif yang sederhana dan hubungan antara kapasiti kepimpinan guru adalah berkadar langsung dengan kapasiti kepimpinan sekolah.

Jadual 4-14: Hubungan Diantara Kapasiti Kepimpinan Guru dan Kapasiti Kepimpinan Sekolah.

	Kapasiti Kepimpinan Guru	Kapasiti Kepimpinan Sekolah
Kapasiti Kepimpinan Guru Korelasi Pearson N		.569** 78
Kapasiti Kepimpinan Sekolah Korelasi Pearson N	.569** 78	

** Signifikan pada aras $p < 0.01$